

MUCOXIN TABLET 8MG

Bromhexine hydrochloride (8mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan MUCOXIN
2. Bagaimana MUCOXIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan MUCOXIN
4. Cara menggunakan MUCOXIN
5. Semasa menggunakan MUCOXIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MUCOXIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan MUCOXIN

MUCOXIN digunakan dalam keadaan di mana terdapat banyak rembesan yang pekat atau kahak di saluran udara anda.

Bagaimana MUCOXIN berfungsi

MUCOXIN mengandungi bromhexine hydrochloride sebagai bahan aktif. Bromhexine hydrochloride membantu membersihkan dada dengan mencairkan kahak dalam salur udara anda.

Sebelum menggunakan MUCOXIN

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap
- bromhexine hydrochloride

- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan MUCOXIN

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Jika anda hamil atau menyusukan bayi dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai:

- Masalah hati
- Masalah buah pinggang
- Ulser gastrik

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan MUCOXIN boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuklah antibiotik seperti amoxicillin, erythromycin, doxycycline dan cefuroxime.

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh MUCOXIN atau mungkin menjejaskan fungsinya.

Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil MUCOXIN.

Cara menggunakan MUCOXIN

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Orang dewasa:
Mula-mula, ambil 2 biji tiga kali sehari untuk 7 hari yang pertama. Untuk pengawalan, ambil satu biji tiga kali sehari.

Kanak-kanak umur lebih tiga tahun:

Ambil 1 biji tiga kali sehari.

Kanak-kanak umur 1 hingga 3 tahun:

Ambil setengah biji tiga kali sehari.

MUCOXIN tidak digalakkan penggunaannya di kalangan kanak-kanak bawah umur 1 tahun.

- Bila perlu digunakan

Ambil MUCOXIN seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil MUCOXIN secara berterusan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama.

Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil MUCOXIN, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi

ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan MUCOXIN

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil MUCOXIN.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil MUCOXIN.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil MUCOXIN untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana MUCOXIN mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala

kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Kadang-kadang, kesan sampingan yang berikut mungkin berlaku:

- Rasa loya
- Cirit-birit
- Senak perut
- Kembang perut

Ini adalah kesan sampingan yang ringan.

Mucosin boleh menyebabkan alahan serius dan reaksi kulit yang serius.

Berhenti menggunakan Mucosin dan beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati symptom seperti:

1. Alahan serius: sesak nafas, pening kepala, lebam pada kulit atau rasa gatal.
2. Alahan kulit serius: kulit kemerahan, bisul, gatal, demam, sakit tekak atau rasa gatal pada mata

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Consumer → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*)

Cara penyimpanan dan pelupusan MUCOXIN

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknyanya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknyanya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat bersuhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan MUCOXIN atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki

01/08/2018

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil MUCOXIN atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Tarikh kemaskini RIMUP

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pil berbentuk bulat, bergores, berwarna biru, berdiameter 7mm dengan tanda 'duo'.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Bromhexine hydrochloride

Bahan tidak aktif

- Promigel
- Brilliant Blue FCF
- Lactose
- Aerosil
- Cornstarch
- Magnesium stearate

- Nombor MAL
MAL19950130XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN.
BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

